

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : **TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR**
[CAMERON HIGHLANDS]

TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan pencerahan berkenaan dengan isu mayat kanak-kanak yang ditinggalkan bersama bapanya di tepi jalan yang berlaku di Gua Musang. Menurut kenyataan Pengarah JAKOA pada tarikh 27 Disember 2019, "*siasatan terperinci kejadian lelaki itu yang dilaporkan ditinggalkan oleh pemandu kontraktor di simpang Pos Blau, dijangka selesai dalam tempoh dua minggu*". Apakah perkembangan terbaru berkenaan kes tersebut dan apakah hasil siasatan yang dikeluarkan oleh pihak JAKOA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui JAKOA telah mengadakan sesi perbincangan di antara pengusaha kenderaan lantikan JAKOA tersebut dan pengadu pada 26 Disember 2019.

Melalui perbincangan tersebut, didapati salah faham antara pengusaha dan pengadu telah menjadi punca dakwaan ini. Salah faham ini timbul akibat arahan atau komunikasi yang kurang berkesan di antara kedua-dua pihak. Semasa perbincangan tersebut juga dapat disahkan bahawa ahli keluarga pengadu telah sedia maklum dan menunggu ketibaan pengadu ketika pengadu dalam proses dihantar pulang ke tempat yang dipohon oleh pengusaha.

Isu ini telah dapat diselesaikan secara baik di antara kedua-dua pihak tanpa ada melibatkan campur tangan pihak-pihak yang tidak berkepentingan.

Susulan daripada perbincangan tersebut, JAKOA telah melihat semula dan membuat penambahbaikan terhadap prosedur operasi standard bagi perkhidmatan ini. Penambahbaikan secara berkala ini dilaksanakan bagi memantapkan kualiti perkhidmatan yang diberi serta menjamin kebajikan masyarakat Orang Asli.